

UTeM masuk senarai Quacquarelli Symonds

Oleh [Ilah Hafiz Aziz](#) - Julai 4, 2023 @ 11:11pm
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my



Naib Canselor UTeM, Prof Dr Massila Kamalrudin

KUALA LUMPUR: Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) buat kali pertama dalam sejarahnya disenaraikan sebagai sebuah universiti terbaik dunia dalam penarafan Quacquarelli Symonds (QS) Kedudukan Universiti-universiti Dunia 2024.

QS meletakkan UTeM pada kedudukan ke 1,200 - 1,400 daripada 2,693 institusi yang dinilai.

Naib Canselor UTeM, Prof Dr Massila Kamalrudin berkata, pencapaian itu menunjukkan komitmen UTeM dalam kecemerlangan akademik, penyelidikan,

pengantarabangsaan, pembangunan pelajar dan inovasi yang memberi kesan langsung buat semua.

Katanya, pencapaian itu turut dicapai menerusi inisiatif UTeM di peringkat global melalui kerjasama akademik, kolaborasi penyelidikan dan pelbagai bentuk kerjasama sama ada dengan institusi pengajian tinggi yang lain mahupun dengan industri dan organisasi antarabangsa.

"UTeM mula mengemukakan data bagi penilaian penarafan QS dan tersenarai pertama kali dalam penarafan QS Asia University Rankings 2020 dan kemuncak pencapaian ini apabila berjaya disenaraikan dalam penarafan tertinggi iaitu QS World University Rankings 2024 dalam tempoh lima tahun dari penarafan peringkat Asia.

"Kami amat teruja dengan pencapaian yang membanggakan ini yang terhasil daripada dedikasi dan kerja keras semua lapisan warga universiti dari peringkat lembaga pengarah, pihak pengurusan tertinggi dan kanan, warga kerja hingga ke pelajar kami bagi memastikan kedudukan ini berjaya dicapai," katanya kepada BH, hari ini.

Massila berkata, UTeM juga beriltizam untuk memperkukuhkan jaringan kerjasama ke beberapa negara lain lagi termasuklah Turki, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Jepun, Korea Selatan dan China serta bakal diperluas ke negara-negara Balkan.

Katanya, elemen-elemen baharu yang diperkenalkan oleh QS World University Rankings seperti kelestarian dan kebolehpasaran graduan akan terus ditekankan oleh UTeM melalui beberapa inisiatif khusus yang telah dirancang rapi di bawah Pelan Strategik UTeM 2023-2025: Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan.

"UTeM juga akan memperkukuh peranannya sebagai universiti teknikal yang mengangkat agenda pemerkasaan Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) pada semua peringkat.

"Usaha berterusan akan ditingkatkan bagi meningkatkan lagi kedudukan UTeM dalam penarafan QS World University Rankings," katanya.